

25/02/2003

Muafakat bawa berkat kepada negara anggota

MENTERI Perdagangan daripada kalangan anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) disaran mengadakan perbincangan tidak rasmi bagi membentuk kesepakatan di kalangan ahli.

Bekas Menteri di Jabatan Perdagangan dan Industri Filipina, Dr Jose S Concepcion, berkata ia boleh membantu memastikan kepentingan negara membangun terpelihara dalam Mesyuarat Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang akan diadakan di Cancun, Mexico pada September ini.

Katanya, perbincangan menteri NAM itu bertujuan memastikan negara membangun yang sebahagian besar anggota NAM, tegas menyuarakan kebimbangan mereka dalam mesyuarat berkenaan.

Antara isu yang akan diberi tumpuan dalam mesyuarat di Cancun itu ialah berkaitan sektor pertanian dengan negara maju akan terus melindungi petani mereka dengan subsidi besar.

Sejak termeterainya Perjanjian di Marrakesh yang memberi mandat kepada WTO mengadakan empat persidangan peringkat menteri, negara maju jelas sentiasa melindungi diri sendiri dengan menggunakan sekatan bukan tarif dan subsidi sambil memaksa negara membangun dan mundur membuka pasaran mereka.

Beliau berkata demikian dalam satu daripada sesi panel yang diadakan sempena Forum Perniagaan NAM di Petaling Jaya, semalam.

Sementara itu, mengulas mengenai kerjasama Asean-China, beliau berkata, ia mampu memberi kelebihan kepada negara membangun dalam menyuarakan isu yang dihadapi pada persidangan WTO.

Katanya, isu yang diutarakan beberapa pemimpin utama Asean termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi melindungi produk dan sektor tertentu yang belum berdaya saing perlu diberi perhatian.

"Asean akan terus berfungsi menyuarakan kebimbangan yang dihadapi negara membangun. Komitmen Asean dan China memasuki kawasan perdagangan bebas pada 2012 mampu menjadikan rantau ini lebih bersedia berdepan persaingan global," katanya.